



PENGAMALAN *SOGIT* DI MAHKAMAH ANAK NEGERI DAN *SOGIT* KAMPUNG: SATU KAJIAN PERBANDINGAN

THE PRACTICE OF SOGIT IN THE NATIVE COURT AND THE VILLAGE SOGIT: A COMPARISON STUDIES

Syamsul Azizul Marinsah¹, Mohd Nur Hidayat Hasbollah^{2*}, Mohammad Firdaus Hasmin³

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.
Emel: syamsulazizul@ums.edu.my

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.
Emel: mnhidayath_h@ums.edu.my

³ Pascasiswazah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia.
Emel: mu1921017t@student.ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.06.2022

Revised date: 20.07.2022

Accepted date: 30.08.2022

Published date: 29.09.2022

To cite this document:

Marinsah, S. A., Hasbollah, M. N. H., & Hasmin, M. F. (2022). Pengamalan *Sogit* Di Mahkamah Anak Negeri Dan *Sogit* Kampung: Satu Kajian Perbandingan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (29), 623-641.

DOI: 10.35631/IJLGC.729042.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Masyarakat Kadazandusun di Sabah terkenal sebagai sekumpulan etnik yang mempunyai kepelbagaian budaya yang unik. Antara kebudayaan yang masih lestari dalam kebudayaan Kadazadusun ialah amalan *sogit*. *Sogit* secara mudahnya dapat difahami sebagai pampasan, ganti rugi adat ataupun denda adat yang dikenakan terhadap individu (anak negeri) yang melanggar norma adat tradisi. Amalan *sogit* ini telah diterima sebagai kod adat yang telah dikanunkan di Mahkamah Anak Negeri bagi membicarakan kes-kes berkaitan dengan adat masyarakat Kadazandusun di Sabah. Berdasarkan kepada hakikat tersebut, mutakhir ini amalan *sogit* dapat dilihat daripada dua perspektif yang berbeza. Pertama, dari perspektif pengamalan *sogit* secara formal di Mahkamah Anak Negeri menerusi Kaedah Undang-undang Adat Mahkamah Anak Negeri (1995). Kedua, pengamalan *sogit* dalam kalangan masyarakat kampung terdiri daripada orang-orang Dusun. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk melihat perbandingan di antara pengamalan *sogit* di Mahkamah Anak Negeri dengan pengamalan *sogit* dalam kalangan masyarakat Dusun kampung. Sehubungan itu, kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pengumpulan data melalui kaedah temu bual, observasi dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati, terdapat beberapa ciri-ciri yang sesuai untuk ditonjolkan sebagai suatu kajian perbandingan pengamalan *sogit* di Mahkamah Anak Negeri dengan *sogit* dalam kalangan masyarakat Dusun kampung. Ciri-ciri tersebut antaranya sumber perolehan undang-undang, makna, fungsi, pengamalan dan juga pelaksana.

Kata Kunci:

Sogit, Mahkamah Anak Negeri, Dusun Kampung, Perbandingan

Abstract:

The Kadazandusun community in Sabah is known as an ethnic group that has various unique cultural forms and is still practiced to this day, including the practice of *sogit*. In general, *sogit* is understood as customary compensation, customary damages, customary fines, and customary punishments imposed on any 'native' who commits customary offenses. Today, *sogit* can be seen from two perspectives. First, from the perspective of formal *sogit* practice in Native Courts through the Native Court Customary Law Rules (1995). Second, the practice of *sogit* among the village community consists of Dusun people in Ranau district. Thus, the objective of this study is to see the element of comparison between the practice of *sogit* in the Native Court with the practice of *sogit* among the Dusun community at the village level. To achieve this goal, this study is qualitative and uses data collection methods through interviews, observations, and document analysis. The results of the study found that several elements are suitable to be highlighted to see the comparison between the two practices of *sogit*—such as sources of legal procurement, interpretation, function, method, and executor.

Keywords:

Sogit, Native Court, Dusun, Comparison

Pengenalan

Secara umumnya, *sogit* adalah hukuman yang dikenakan kepada masyarakat Kadazandusun yang telah melakukan pelanggaran adat tidak kira sama ada pelanggaran tersebut kecil ataupun besar (Saat, 2003; Tarsat, 2007). Berdasarkan Kaedah Undang-undang Adat Anak Negeri (1995), *sogit* adalah hukuman berdarah (melibatkan sembelihan binatang) yang mesti dibayar oleh pesalah adat. Kaedah sedemikian telah diamalkan oleh masyarakat Dusun sejak sekian lama. Namun, sejajar dengan peredaran zaman, amalan *sogit* sedikit sebanyak telah mengalami perubahan yang disebabkan oleh beberapa faktor tertentu, seperti faktor penganutan agama, perubahan sosial dan seumpamanya (Marinsah et.al, 2021; Sintang, 2003).

Sehubungan itu, dalam Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Anak Negeri) 1995, pelbagai jenis denda adat telah diperuntukkan bagi pesalah adat yang telah melanggar norma tradisi antaranya denda adat, denda malu, denda kepanasan kampung, *koimanan*, *kosoguluanan*, *lapau* dan terakhir adalah *sogit*. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pengamalan *sogit* di Mahkamah Anak Negeri dan pengamalan di kampung-kampung tertentu. Pengkaji mengusulkan bahawa identiti takrifan termasuk pengamalan yang diberikan oleh pihak berautoriti (dalam konteks ini MAN) tidak semestinya selaras dengan identiti takrifan harian yang dikonstruksi sendiri oleh etnik terbabit. Justeru, artikel ini berusaha meneliti pengamalan *sogit* yang dilaksanakan dalam Mahkamah Anak Negeri dan juga amalan *sogit* yang dipraktikkan dalam kalangan masyarakat Dusun kampung.

Bagi mencapai matlamat tersebut, dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk temubual secara formal dan semi formal yang diadakan dengan beberapa orang informan. Informan dalam kajian ini terdiri daripada kakitangan Mahkamah Anak Negeri

daerah Ranau. Seperti Pegawai Daerah (PD) Ketua Anak Negeri (KAN) dan Wakil Ketua Anak Negeri (WKAN) yang ditemubual secara formal di Pejabat Mahkamah Anak Negeri pada April 2021. Sesi temubual bersama kakitangan Mahkamah Anak Negeri ini sangat penting bagi mendapatkan penjelasan yang tepat berkenaan pelaksanaan *sogit* secara jelas di Mahkamah Anak Negeri. Sehubungan itu, bagi mendapatkan penjelasan berkenaan pelaksanaan *sogit* di peringkat kampung, pengkaji telah menemubual beberapa orang yang berautoriti untuk menjelaskan *sogit* di peringkat kampung secara semi formal juga pada April 2021 selama tiga hari. Mereka terdiri daripada, ketua-ketua kampung, ketua-ketua adat, dan *bobolian*. Di samping itu, pengkaji turut menemubual beberapa informan dalam kalangan penduduk kampung secara semi formal. Tujuan temubual dijalankan secara semi formal, adalah untuk memudahkan penduduk kampung memahami setiap soalan yang diajukan dan memberi kebebasan kepada mereka untuk menjelaskan dengan lebih terperinci berdasarkan pengalaman-pengalaman mereka di peringkat kampung. Antara kampung yang terlibat Purakogis, Mesilou, Lipasu Lama, Libang dan Mogong.

Pengamalan *Sogit* Di Mahkamah Anak Negeri

Pada dasarnya, penubuhan institusi Kehakiman Adat Mahkamah Anak Negeri atau lebih dikenali sebagai Mahkamah Anak Negeri (MAN) di Sabah, telah ditubuhkan buat pertama kali secara tidak rasmi oleh pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) pada tahun 1882 (Salleh et.al, 2019). Penglibatan hukum adat dalam sistem perundangan SBBUB di negeri Sabah dilihat sebagai satu langkah proaktif yang diambil oleh pihak SBBUB untuk mengukuhkan kepercayaan masyarakat tempatan terhadap pentadbiran SBBUB di negeri Sabah.

Memandangkan terdapat kepelbagaian kaum di Sabah, pihak SBBUB telah menggabungkan pentadbiran mereka dengan institusi pentadbiran tempatan yang sedia ada dengan cara melibatkan tokoh-tokoh masyarakat tempatan dalam pentadbiran kecil (wakil SBBUB di peringkat kampung). Pihak British melantik tokoh-tokoh tempatan yang terdiri daripada ketua-ketua kampung dan ketua-ketua adat sebagai Ketua Anak Negeri dan Penolong Ketua Anak Negeri (Tarsat, 2009; Osman, 1985). Mereka yang dilantik dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan memelihara pengamalan adat dalam kalangan masyarakat kampung di dalam kawasan kampung masing-masing, dan membantu kerja-kerja di Mahkamah Anak Negeri.

Sehubungan itu, bagi memudahkan dan melicinkan sistem pentadbiran kecil ini, pihak SBBUB telah mendirikan Pejabat Mahkamah Anak Negeri di seluruh daerah dalam negeri Sabah, supaya tokoh-tokoh masyarakat yang telah dilantik dapat melakukan urusan menerima, membicारा dan mengadili kes-kes adat dengan lebih baik dan sistematik (Arinen, 2015). Perlantikan ini boleh dirujuk dalam Undang-Undang Pentadbiran Kampung 1891 dan *Village Administration Ordinance 1913* (Kahin, 1947). Berikut merupakan struktural ekosistem pentadbiran Mahkamah Anak Negeri Sabah yang diamalkan pada masa kini,



Rajah 1.0: Struktur Ekosistem Pentadbiran di Mahkamah Anak Negeri.

Sumber: Hussin et.al (2021), Yusri (1998) dan Tarsat (2009)

Selepas negeri Sabah menyertai Persekutuan Tanah Melayu untuk membentuk Malaysia pada 16 September 1963 (Tai, 2008), pelaksanaan sistem Kehakiman Mahkamah Anak Negeri di Sabah terus dikekalkan (Salleh et.al, 2019). Bahkan institusi ini telah diiktiraf oleh Perlembagaan Malaysia sebagai suatu keistimewaan bagi penduduk asal dan mereka yang berstatus anak negeri dalam negeri Sabah (Tarsat, 2009). Walaubagaimanapun, peruntukan tersebut hanya berkuatkuasa kepada penduduk yang digazetkan sebagai anak negeri di Sabah (Siddik, 1975).

Bersangkutan dalam hal ini, dalam Perkara 161A (6) Perlembagaan Persekutuan Malaysia, anak negeri merujuk kepada;

“seseorang yang merupakan warganegara, ialah anak atau cucu kepada seseorang daripada suatu ras asli bagi Sabah, dan telah lahir (sama ada atau tidak pada atau hari selepas hari Malaysia) sama ada di Sabah atau dengan bapanya berdomisil di Sabah pada masa kelahiran itu. Dalam Perkara 41 (10) Perlembagaan Negeri Sabah, anak negeri adalah merujuk kepada seseorang yang merupakan warganegara, iaitu anak ataupun cucu atau seseorang yang berasal dari negeri ini, dan dilahirkan (sama ada pada atau selepas hari Malaysia atau tidak) sama ada di dalam negeri atau kepada seorang bapa yang bermastautin di negeri ini pada masa kelahiran. Dalam Seksyen 2 (1) Ordinan Interpretasi Anak Negeri Sabah 1952, anak negeri adalah dikategorikan kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama adalah kedua-dua ibu bapa adalah ahli-ahli masyarakat peribumi. Kategori kedua meliputi penduduk Sabah yang hidup sebagai ahli masyarakat peribumi dan keturunan sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu bapa atau nenek moyang adalah atau berasal dari masyarakat peribumi. Kategori ketiga merujuk kepada mana-mana orang yang bermastautin di Sabah dan merupakan ahli orang Suluk,

Kagayan, Simonol Sibutu atau Ubian atau sesuatu kaum yang berasal dari negeri Sarawak dan Brunei. Kategori yang keempat merujuk kepada mana-mana orang yang bermastautin di Sabah dan merupakan ahli sesuatu kaum yang berasal dari Republik Indonesia atau kepulauan Sulu di Filipina, di negeri-negeri Tanah Melayu ataupun Singapura dan telah tinggal selama lima tahun sebagai ahli sebuah masyarakat peribumi.”

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada laman web rasmi *Ministry of International Trade And Industry Government of Malaysia (2022)*, senarai anak negeri di negeri Sabah adalah seperti yang berikut;

Jadual 1.0: Senarai Anak Negeri di Negeri Sabah

Bil	Kaum	Bil	Kaum
1	Bajau	21	Lundayeh
2	Balabak	22	Mangkaak
3	Binadan	23	Matagang
4	Bisaya	24	Melanau
5	Bolongan	25	Melayu-Sabah
6	Bongol	26	Minokok
7	Brunei	27	Momogun
8	Buton	28	Murut
9	Cocos	29	Paitan
10	Dusun	30	Rumanau
11	Dumpas	31	Rungus
12	Idahan	32	Sino-Native
13	Iranun	33	Sinulihan
14	Kadazan	34	Sonsongan
15	Kagayan	35	Suluk
16	Kedayan	36	Sungai
17	Kimaragang	37	Tagal
18	Kwijau	38	Tidung
19	Lasau	39	Tinagas
20	Lingkabau	40	Tombonuo

Sumber: Laman Web Rasmi *Ministry Of International Trade And Industry Government Of Malaysia (2022)*

Setakat kajian ini dilakukan, hanya kaum-kaum yang disenaraikan di atas termasuk dalam status anak negeri Sabah. Oleh yang demikian, Mahkamah Anak Negeri hanya boleh menerima, mendengar dan mengadili kes daripada kaum-kaum tersebut sahaja (Siddik, 1975).

Sementara itu, Undang-undang Mahkamah Anak Negeri di Sabah digubal dengan berdasarkan daripada empat jenis sumber. Menurut Phelan (2003), sumber-sumber tersebut adalah *ordinance; written collection of native laws known as codes; past court cases and unrecorded oral tradition*.

Sumber pertama iaitu ordinan. Secara ringkas ordinan merujuk kepada undang-undang adat yang telah mendapat pengiktirafan dalam Parlimen. Contoh ini boleh dilihat umpamanya dalam undang-undang adat yang berkaitan hak-hak pemilikan tanah. Pengiktirafan ini boleh

terkandung dalam *Proclamation XIV of 1903 Dealing with Village Administration Ordinance of 1937, Proclamation V of 1913 Dealing with Village Administration, Native Administration Ordinance of 1937*, Ordinan Mahkamah Anak Negeri 1953 (Hussin et.al, 2021), Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 dan Warta Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1995.

Sumber kedua pula dikenali sebagai kod adat ataupun *Woolley's Code*. Ia merujuk kepada undang-undang adat yang dipelajari dan diwarisi daripada datuk nenek moyang suku kaum masing-masing (Salleh, 2014). Usaha paling awal menggumpul kod-kod adat daripada setiap suku yang terdapat di negeri Sabah dilakukan oleh G.C Woolley, seorang pegawai Pentadbir British SBBUB pada tahun 1930 (Danny, 2009). Kod-kod adat yang dikumpul tersebut diterbitkan dan dinamai sebagai *Native Law Code Bulletin in North Borneo* sebanyak tujuh buletin (Pg Musa, 2017). Walaubagaimanapun, masalah yang sering berlaku dalam pemungutan kod adat dari pelbagai suku adalah kod adat yang berbeza di antara suku-suku. Namun usaha menggumpulkan dan menyeragamkan kod-kod adat sedang giat dilaksanakan di Mahkamah Anak Negeri pada ketika ini (Temubual En. Marcus Faizal, 2021).

Seterusnya, sumber ketiga iaitu keputusan Mahkamah yang Lalu (*past court cases*) merupakan panduan yang dirujuk oleh Mahkamah Rayuan Anak Negeri sekiranya kes-kes yang diterima dilanjutkan ke peringkat tersebut (Phelan, 2003). Oleh itu, salinan keputusan lalu Mahkamah Anak Negeri merujuk kepada salinan keputusan lalu yang telah diberikan oleh Mahkamah Anak Negeri Daerah dan Mahkamah Anak Negeri (Salleh, 2014). Jika ditinjau dari aspek sejarah, penyimpanan salinan keputusan-keputusan lalu Mahkamah Anak Negeri telah pun dilaksanakan sejak tahun 1973 (Idid, 1993). Ianya boleh didapati dalam *Cases on Native Customary Law (1953-1972)*, *Native Court and Customary Law in Sabah (1993)* dan penyalinan terkini boleh dilihat dalam Undang-undang Mahkamah Rayuan Anak Negeri Sabah (1989-2009) (Salleh et.al, 2019).

Selain itu, sumber keempat ialah adat lisan (*unrecorded oral tradition*). Adat lisan merujuk kepada adat yang disampaikan atau yang diperolehi daripada suku tertentu secara lisan (mulut ke mulut dan tidak direkodkan *unrecorded*) (Salleh, 2014). Sebelum Kerajaan Negeri Sabah mewartakan Undang-undang Adat Anak Negeri 1995, kerajaan negeri telah mengalu-alukan ketua-ketua adat masyarakat peribumi untuk memberi cadangan beberapa adat peribumi di Sabah yang diamalkan secara lisan untuk dimasukkan dan digubal dalam undang-undang Adat Anak Negeri 1995 (Phelan, 2003). Ini menunjukkan bahawa, Undang-undang Adat Anak Negeri 1995 adalah hasil gabungan adat lisan daripada suku-suku yang terdapat di negeri Sabah. Namun demikian, dalam Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1995, pengkaji tidak menjumpai sebarang kenyataan yang menjelaskan adat lisan daripada suku manakah yang terlibat dalam penggubalan Undang-undang Adat Anak Negeri 1995. Tetapi apa yang pengkaji dapati, Undang-undang Adat Anak Negeri 1995 dan Enakmen Anak Negeri 1995 lebih menjurus kepada adat *sogit* yang merupakan amalan daripada masyarakat Dusun di Sabah. Berdasarkan kepada sumber undang-undang di Mahkamah Anak Negeri ini, dapat difahami secara jelas bahawa sumber undang-undang di Mahkamah Anak Negeri diperolehi daripada semua kaum yang termasuk dalam kategori Anak Negeri di Sabah dan tidak terhad kepada *sogit* dalam kalangan masyarakat Dusun sahaja.

Sehubungan itu, perkara-perkara berbangkit lain antaranya yang berkaitan dengan hukuman-hukuman yang boleh dijatuhkan di Mahkamah Anak Negeri. Perkara ini boleh dirujuk dalam senarai kaedah-kaedah penentuan hukuman yang terdapat dalam Kaedah Mahkamah Anak Negeri, Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995. Dalam kaedah tersebut, terdapat sembilan

bahagian yang berjumlah 50 jenis kesalahan beserta hukumannya. Ianya meliputi kesalahan-kesalahan adat berkaitan serangan, hentaman, kelakuan mengancam, seksual, perkahwinan, pertunangan dan pikatan, tanah perkuburan dan kematian, perangai buruk yang melampau, kelucahan dan khianat, mungkir janji, kelahiran dan pantang adat (Undang-Undang Adat Anak Negeri, 1995). Hukuman-hukuman yang boleh dikenakan atas kesalahan-kesalahan adat tersebut berupa denda wang ringgit, denda adat, denda malu, kepanasan kampung, *koimanan*, *kosoguluanan* dan akhir sekali adalah *sogit* (Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995).

Pada hakikatnya, denda adalah suatu penalti berupa wang ringgit yang dijatuhkan ke atas pesalah adat (Undang-Undang Adat Anak Negeri, 1995). Berdasarkan kepada Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995, pengkaji mendapati bahawa denda wang ringgit lazimnya akan dikategorikan bersama dengan denda adat. Dalam pada itu, denda adat merujuk kepada denda yang diambil kira mengikut tempat lokasi pesalah tersebut melakukan pelanggaran adat (Salleh et.al, 2009; Temubual En. Marcus Faizal, 2021). Sebagai contoh, dalam Kaedah Mahkamah Anak Negeri, *Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995 Bahagian V, Tanah Perkuburan dan Kematian, menerusi Kaedah ke-2*, berkaitan kesalahan menyebabkan kawasan perkuburan terbakar sehingga mengakibatkan kerosakan kepada kuburan milik seseorang. Sekiranya individu tersebut didapati bersalah individu tersebut boleh didenda sejumlah wang ringgit (RM) yang senilai dengan kos baik pulih semua kuburan yang rosak, beserta denda adat iaitu seekor haiwan ternakan, ataupun gong, ataupun yang senilai dengannya yang dianggap sesuai dan munasabah mengikut adat di tempat tersebut.

Selain itu, denda malu pula dirujuk sebagai suatu denda ataupun hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah yang telah didapati bersalah sehingga mengakibatkan individu teraniaya kehilangan maruahnya (Temubual En. Marcus Faizal, 2021). Sebagai contoh, mana-mana pihak sama ada lelaki ataupun perempuan yang memutuskan ikatan pertunangan tanpa sebab yang munasabah akan dianggap bersalah. Perkara ini boleh dirujuk dalam *Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995, Bahagian IV, Perkahwinan, Pertunangan dan Pikatan, menerusi Kaedah ke-2, berkaitan penamatan pertunangan tanpa sebab yang munasabah*. Sekiranya individu yang memutuskan tunang tersebut memutuskan tunang tanpa sebab yang munasabah, dia boleh dijatuhkan hukuman denda malu berupa sejumlah wang ringgit RM 1,500 beserta denda adat dua ekor haiwan ternakan atau barang lain yang dianggap senilai, sesuai dan munasabah mengikut adat di tempat tersebut.

Sementara itu, *Kepanasan kampung* merujuk kepada denda yang dijatuhkan kepada pesalah adat yang melakukan kesalahan sehingga mencemarkan kesucian kampung tempat kesalahan tersebut dia lakukan (Temubual En. Ruhatin Duari dan En. Marcus Faizal; 2021). Kesalahan ini adalah kesalahan yang sangat besar kerana kesalahan tersebut menyebabkan penduduk kampung keseluruhannya berasa malu (Temubual En. Dualis, 2021). Sebagai contoh kesalahan yang berkaitan dengan zina. Berdasarkan kepada *Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995, Bahagian III, Kesalahan Seksual, menerusi Kaedah ke-3, berkaitan persetubuhan haram di antara pasangan yang belum berkahwin*. Sekiranya individu tersebut didapati bersalah dia boleh dijatuhkan hukuman sejumlah RM 1,500.00 beserta denda adat dua ekor haiwan ternakan ataupun barang lain yang dianggap senilai, sesuai dan munasabah mengikut adat di tempat tersebut. Haiwan ternakan tersebut, hendaklah diserahkan kepada ketua kampung tempat kesalahan tersebut dilakukan untuk diadakan suatu majlis ataupun kenduri *sogit* kepanasan kampung.

Seterusnya, denda lain yang bersangkutan dengan hal ini ialah denda *Koimanan*. *Koimanan* merujuk kepada denda yang dijatuhkan kepada individu yang tidak menepati janji, mungkir janji, atau melanggar perjanjian yang telah disepakati (Salleh et.al, 2019). Menurut Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995, sesiapa sahaja individu yang didapati bersalah kerana telah mungkir janji atau melanggar perjanjian yang telah disepakati, individu tersebut boleh dijatuhkan hukuman iaitu membayar balik ganti rugi sebanyak 20 peratus daripada jumlah perjanjian yang telah disepakati kepada pihak yang terkilan. Di samping itu, *Kosoguluanan* pula merujuk kepada denda yang dijatuhkan kepada individu yang menikah mendahului abang atau kakak yang tua (langkah bendul) (Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992). Kesalahan ini merupakan kesalahan yang ringan, denda yang dijatuhkan berupa seekor unggas seperti seekor ayam, itik ataupun angsa, ataupun barang lain yang dianggap senilai, sesuai dan munasabah mengikut adat di tempat tersebut. Denda-denda ini perlu diberikan kepada abang atau kakak yang belum berkahwin itu.

Denda yang terakhir adalah *sogit*. Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992, memberi tafsiran bahawa *sogit* terbahagi kepada dua makna iaitu hukum adat dan penalti adat berdarah. Hukum adat dirujuk sebagai hukuman bagi pesalah yang melanggar adat untuk memelihara kesucian adat (Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992). Manakala penalti adat berdarah dirujuk sebagai hukuman yang melibatkan sembelihan binatang korban (Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992). Penyembelihan tersebut bertujuan untuk menenangkan semula keadaan selepas berlaku perlanggaran adat (Temubual En. Marcus Faizal, 2021). Ia juga dirujuk sebagai ganti rugi yang menyejukkan dengan cara mengorbankan haiwan ternakan untuk menghindarkan gangguan atau campur tangan dari makhluk supernatural ke atas kehidupan manusia (Temubual En. Marcus Faizal, 2021; Wati, 1978). Antara haiwan ternakan yang dipilih sebagai binatang korban, selalunya adalah kerbau, lembu, sapi ataupun khinzir (Temubual En. Parasin dan En. Manan Badin, 2021; Tarsat, 2009). Setiap hukuman yang telah ditetapkan keatas individu bersalah, maka ia wajib dilunaskan ataupun diselesaikan oleh individu tersebut. Pembayaran denda-denda yang diterima daripada individu bersalah, akan diserahkan kepada yang teraniaya. Ini lah keistimewaan Mahkamah Anak Negeri jika dibandingkan dengan Mahkamah Sivil. Di Mahkamah Sivil individu yang bersalah akan dikehendaki membayar denda-denda kepada pihak kerajaan, bukannya kepada yang teraniaya.

Pengamalan *Sogit* Dalam Kalangan Masyarakat Dusun Kampung

Secara asasnya, *sogit* adalah suatu amalan eksklusif daripada datuk nenek moyang masyarakat KadazanDusun dan hanya diamalkan oleh masyarakat KadazanDusun sahaja. Pelbagai bentuk penceritaan berupa mitos dan lagenda yang boleh didapati daripada masyarakat Dusun berkenaan asal usul kemunculan *sogit*. Sebagai contoh, mitos yang mengatakan bahawa *sogit* diperturunkan kepada masyarakat KadazanDusun melalui dewi *Huminodun*, yang telah mengajar *bobolian* yang pertama dari kalangan wanita berkenaan adat istiadat termasuklah ilmu berkaitan *sogit*, jampi serapah, mantera dan seumpamanya (Low; 2005). Perkara ini telah membezakan *sogit* kampung dengan *sogit* di Mahkamah Anak Negeri. Perbezaan yang paling jelas ialah, *sogit* adalah eksklusif amalan yang diamalkan hanya oleh masyarakat KadazanDusun sahaja, manakala di peringkat Mahkamah Anak Negeri, *sogit* adalah salah satu daripada jenis-jenis denda yang terpakai kepada semua kaum bergelar Anak Negeri di Sabah.

Dari aspek bahasa pula, masyarakat Dusun menjelaskan bahawa perkataan *sogit* berasal daripada bahasa Dusun yang bermaksud memberi sejuk (Wati, 1978; Temubual En. Marcus Faizal, 2021). Sekiranya ditambah vokal 'o' dihadapan perkataan tersebut ia akan menjadi '*osogit*' yang membawa maksud sangat sejuk (Wati, 1978). Dari aspek bahasa juga, perkataan

sogit ini berlawanan dengan perkataan *alasu*, yang bermaksud “panas”, ataupun “kepanasan” (Wati, 1978). Berdasarkan pemaknaan tempatan tersebut, masyarakat Dusun kampung memberi maksud *sogit* sebagai suatu instrument tradisi untuk menyejukkan kepanasan (mengembalikan kedamaian) di dalam kampung (Temubual En. Marcus Faizal, En. Parasin, En. Samuien Yassin, dan En. Ruhatin Duari, 2021). Dengan demikian, fungsi utama *sogit* di peringkat kampung juga adalah sebagai instrument untuk mengembalikan kedamaian selepas berlaku pelanggaran adat (kepanasan). Pengkaji berpendapat, fungsi ini sama dengan fungsi *sogit* di Mahkamah Anak Negeri. Fungsi *sogit* ini dijelaskan secara majoriti daripada Ketua-ketua Anak Negeri di Mahkamah Anak Negeri daerah Ranau, dan juga daripada ketua-ketua kampung di daerah Ranau. Sebagai contoh, ianya dapat dilihat dalam penjelasan En. Marcus Faizal (2021) yang merupakan Ketua Anak Negeri di Mahkamah Anak Negeri Ranau dan Ketua Dewan Undangan Negeri Karanaan, Ranau ;

“*sogit* adalah bahasa Kadazan Dusun Murut (KDM) yang bermaksud sejuk, untuk menyejukkan keadaan yang panas, maka dia akan menjurus kepada instrument orang kampung untuk mendamaikan sekiranya ada kepanasan (*alasu*) di dalam kampung”

En. Anuar (2022), yang merupakan Wakil Ketua Anak Negeri di Kampung Libang, Ranau turut memberikan penjelasan yang sama, sebagaimana berikut;

“kebanyakkan masyarakat Dusun Islam tidak lagi mengamalkan ini kepercayaan ini dan termasuklah semua hal kepercayaan yang ada kaitan dengan ini *sogit*. tetapi, kalau ini *sogit*, ia membawa maksud denda yang memberi kedamaian di antara dua pihak yang bertelagah ataupun memberi kedamaian kepada masyarakat kampung keseluruhannya.

Penjelasan yang sama turut diberikan oleh En. Dualis (2021) yang merupakan Ketua Anak Negeri di Mahkamah Anak Negeri Ranau. Beliau menjelaskan sekiranya kepanasan (pelanggaran adat) yang berlaku tidak *disogitkan* akan menimbulkan permasalahan (kesan buruk) kepada masyarakat kampung di tempat pelanggaran adat itu dibuat, sebagaimana berikut;

Apabila sesuatu perkara tidak diselesaikan dengan perkataan *sogit* akan menimbulkan suatu masalah pada generasi atau di dalam komuniti, di mana pesalah itu perlu dikenakan *sogit*. Tujuan utama dia untuk memberikan perdamaian di antara pelaku dengan yang terlibat dalam komuniti.

Daripada penjelasan tersebut, maka jelas bahawa di peringkat kampung turut menjelaskan bahawa fungsi *sogit* adalah untuk mengembalikan kedamaian selepas berlaku pelanggaran adat. Namun, dalam kalangan masyarakat kampung terdapat kepercayaan bahawa sekiranya pelanggaran adat itu tidak *disogitkan* ianya akan mendatangkan natijah buruk kepada masyarakat dalam kampung tersebut. Kepercayaan seumpama ini pada hakikatnya dipengaruhi oleh unsur animisme warisan daripada kepercayaan datuk nenek moyang masyarakat Dusun yang merupakan orang-orang pagan (Sintang, 2003; Mat Kib, 2003). Oleh sebab itu, fungsi *sogit* di peringkat kampung sebagai pemulih kedamaian (denda adat) adalah sama dengan di Mahkamah Anak Negeri yang terpakai kepada semua kaum yang bergelar anak negeri, namun

ianya menjadi berbeza apabila terdapat pengaruh animisme yang melatari kepercayaan disebalik pelaksanaan *sogit* tersebut (terutamanya pelaksanaan di peringkat kampung), kerana kepercayaan animisme tersebut adalah eksklusif bagi masyarakat Dusun yang diwarisi daripada datuk nenek moyang mereka.

Latar belakang animisme di sebalik pelaksanaan *sogit* tersebut, sebagai contohnya boleh dilihat dalam penjelasan En. Parasin (2021), seorang masyarakat Dusun dan merupakan ketua kampung bagi Kampung Purakogis, DUN Karanaan, Ranau;

“.....macam di kampung saya ini kalau macam berlaku apa-apa perkara yang melanggar kita punya adat-adat, contoh macam ini perzinaan, perlu kena itu *sogit*, *sogit* ini tujuan dia macam itu denda lah, denda untuk orang yang zina itu, ya, saya tidak ingat, sebab yang tahu itu *bobolian* sahaja, tapi *sogit* ni yang dulu juga supaya ini makhluk - makhluk halus tidak ganggu sama kita

Selain daripada itu, fungsi-fungsi *sogit* dalam kalangan masyarakat Dusun kampung, ianya tidak terhad seperti fungsi *sogit* yang ditunjukkan dalam Kaedah-Kaedah Adat Anak Negeri 1995, iaitu *sogit* dirujuk sebagai denda, denda adat dan penalti adat berdarah. Bagi *sogit* dalam kalangan masyarakat kampung, *sogit* bukan sahaja berfungsi sebagai denda, tetapi lebih luas daripada itu. Fungsi-fungsi *sogit* di peringkat kampung boleh dilihat seperti berikut;

Sogit Sebagai Penolak Bala

Pada asasnya, fungsi *sogit* dalam kalangan masyarakat Dusun kampung adalah sebagai medium untuk menolak bala, ataupun menghilangkan dan melenyapkan bala yang sedang dihadapi oleh mereka. *Sogit* sebagai satu *platform* untuk menolak bala ini dijelaskan oleh En. Annuar (2022) yang merupakan Wakil Ketua Anak Negeri di Kampung Libang, Dewan Undangan Negeri Karanaan, Ranau, sebagaimana berikut;

“*Tuari itu yang pemujaan itu anu bah, kami buat sini di Nunuk Ragang kan, saya yang kena suruh pigi putung itu kerbau, bagi satu daerah sini ni, baru-baru juga ini, ini Covid itu, yang durang kasi tolak bala, saya kena kasi pasang lagi itu yang perakam punya itu, pembacaan itu time putung, apa itu niat, tapi sia tidak ikut itu apa yang perlu dibaca itu, apa yang diniat itu, itu yang begitu-begitu itu, selepas yang saya sembelih itu adalah la durang pigi buat, kasi hanyut semua di pigi sungai, pemujaan macam dulu-dulu ada, tapi sia tidak tunggu lagi itu, selepas saja saya putung, sembelih saya terus berundur dari situ, pigi disungai pun saya tidak ikut”*

Berdasarkan penjelasan tersebut, masyarakat Dusun di daerah Ranau lazimnya akan mengadakan suatu majlis, upacara ataupun ritual tertentu yang melibatkan penyembelihan beberapa ekor haiwan ternakan untuk menolak bala yang telah atau sedang melanda kehidupan seharian mereka. Dalam konteks ini, bala yang dimaksudkan adalah wabak pandemik *Covid-19*. Fungsi *sogit* seperti ini tidak dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Adat Anak Negeri 1995 mahupun Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992. Oleh sebab itu, ianya adalah amalan *sogit* yang hanya diamalkan oleh masyarakat Dusun kampung sahaja.

Berdasarkan penjelasan En. Annuar (2022) tersebut juga, ritual atau majlis ini termasuk dalam kaedah *non-medical* berupa ritual keagamaan (melibatkan bacaan mantera keagamaan animisme-paganisme masyarakat Dusun) bagi menangani wabak Covid-19. Namun demikian, ritual keagamaan yang telah dilaksanakan tersebut bukanlah menjurus kepada ajaran-ajaran agama Islam secara mutlak atau keseluruhan. Dalam ritual ini, peranan seseorang berbeza mengikut kapasiti yang ada seperti penyembelih binatang korban, bomoh (merujuk kepada *bobolian*) dan seumpamanya. Percampuran di antara elemen kepercayaan animisme-paganisme dengan agama Islam ini dikategorikan sebagai suatu sinkretisme (Marinsah, 2017). Oleh yang demikian, sinkretisme ini perlu dibuat penilaian semula dari perpektif hukum sama ada adakah percampuran ini dibenarkan syarak ataupun sebaliknya.

Sogit Sebagai Pemulih Semangat.

Dalam kalangan masyarakat Dusun di daerah Ranau, *sogit* juga turut berfungsi sebagai kaedah tradisi untuk memulihkan keadaan semangat seseorang selepas individu tersebut melalui atau menghadapi pengalaman-pengalaman yang sukar sehingga menyebabkan individu tersebut lemah (hilang semangat dalam Bahasa Melayu Sabah) untuk meneruskan kehidupan secara normal. Oleh sebab itu, *sogit* sebagai pemulih semangat ini dilakukan adalah untuk mengembalikan aura positif ke dalam diri seseorang selepas menghadapi pengalaman-pengalaman yang mendukacitakan dirinya, seperti musibah kematian.

Menurut kajian sains, kesedihan yang berpanjangan akan menyebabkan kemurungan. Bahkan pada peringkat yang lebih teruk, kesedihan dan kemurungan ini boleh berlanjutan selama lebih 12 bulan (Nazario, 2021). Sekiranya ia berlaku pada diri individu tersebut, maka dalam istilah perubatan moden ianya disebut sebagai salah satu daripada *mental illness* (masalah mental) iaitu *Prolonged Grief Disorder* (Nazario, 2021). *Prolonged Grief Disorder* ini terjadi pada seseorang apabila;

“After a loved one dies, painful thoughts and feelings tend to get better within 6 months. But for some people, they linger and become hard to control. PGD is common in those who’ve lost a child or romantic partner. It’s more likely to happen after a violent or abrupt death, such as murder, suicide, or an accident”
(Benisek, 2021)

Berdasarkan penjelasan daripada ahli perubatan moden tersebut, jelas bahawa musibah kematian boleh menyebabkan sesetengah orang menghidap masalah mental. Menyedari akan hal ini, pengkaji sangat tertarik kerana *sogit* sebagai suatu pemulih semangat seseorang selepas menghadapi peristiwa kematian adalah merupakan suatu kearifan tempatan yang diajarkan oleh datuk nenek moyang masyarakat Dusun yang sangat memberi manfaat kepada individu untuk melindungi diri dia daripada menghidap masalah mental. *Sogit* sebagai pemulih semangat dilakukan dengan cara bermandi. Seperti yang dijelaskan oleh Puan Shima (2021) seorang penjawat awam dan merupakan penduduk di Kampung Libang DUN Karanaan, Ranau.

“ia dilakukan sama ada di sungai, ataupun tepi pantai, untuk panggil balik semangat. Jangan sampai terikut-ikut (terkenang-kenang) dengan arwah si mati”.

Penjelasan turut diberikan oleh Puan Ramini (2022), penjawat awam dan merupakan penduduk di Kampung Libang DUN Karanaan, Ranau;

“kebiasaannya lah, kalau kepercayaan dulu-dulu selepas berlaku kematian, sama ada si suami ataupun bini dia dua-dua kena mandi *sogit*. Ini bukan apa, hanya sekadar untuk memulihkan dia punya semangat supaya dia boleh menerima kenyataan yang suami atau bini dia tiada sudah sama-sama dia”

Selain masyarakat Dusun di daerah Ranau, pengkaji turut mendapati bahawa *sogit* sebagai pemulih semangat ini turut diamalkan oleh masyarakat Dusun yang menetap di daerah Tambunan. Perkara ini disampaikan kepada pengkaji oleh Puan Susy Hill (2022), seorang penjawat awam yang menetap di kampung Mogong Tambunan. Beliau menjelaskan;

“isteri kena mandi, tujuannya dia adalah supaya dapat melupakan semua perkara antara dia sama si suami, untuk kasi elak si isteri daripada menjadi terlalu lemah teringat-ingat sama mendiang suami dia, kalau sini kami cakap supaya semangat si isteri kembali kuat seperti sedia kala”

Berdasarkan penjelasan daripada para informan tersebut, menurut Kor (2020), seorang Dr. Perubatan, dan pengamal perubatan moden, beliau menjelaskan bahawa;

“depresi atau kemurungan adalah penyakit penting yang tidak boleh diabaikan ianya turut memerlukan rawatan daripada pakar-pakar psikologi, ataupun kaunseling. Penyakit ini tidak diubati dengan cara memakan ubat, ataupun pembedahan atau semisal dengannya, namun kebanyakan penyakit berkaitan dengan mental, seperti depresi dan kemurungan boleh diubati dengan cara bersembang, bersukan ataupun dengan terapi mandi. Contohnya terapi mandi panas (hangat), mandi panas mempengaruhi tubuh badan manusia untuk mengubah irama sirkadian iaitu suatu kitaran proses fisiologi atau *body clock* yang dikawal melalui kawalan suhu. Oleh itu, para ahli perubatan mempercayai dengan cara ini, sedikit sebanyak simptom kemurungan dapat dikurangkan. Selain daripada cara ini, pendedahan individu yang murung kepada cahaya matahari di pagi hari turut dapat membantu tubuh badannya untuk mengurangkan hormon kemurungan di dalam badannya.”

Memetik maklumat daripada laman web *Hello Doktor* (2020) (terbitan artikel perubatan dalam laman web ini diselia dan disemak oleh Dr. Perubatan yang bertauliah sebelum diterbitkan). Menurut laman web tersebut, terdapat sebuah kajian yang dilakukan untuk menguji tahap kemurungan 45 orang yang menghadapi masalah tersebut oleh para penyelidik dari Universiti Freiburg, Jerman. Berdasarkan laman web tersebut (2020) tersebut, kelompok tersebut telah dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan yang pertama akan menjalani terapi kemurungan dengan bersukan, manakala kumpulan yang kedua akan menjalani terapi mandi hangat.

Kumpulan yang kedua diminta untuk berendam di dalam sebuah tab mandi yang berisi air hangat, selama 30 minit. Kumpulan yang menjalani terapi sukan diminta untuk bersukan selama 40 minit. Terapi ini dilakukan sebanyak dua kali dalam seminggu. Selepas kedua-dua kumpulan

telah menjalani terapi selama lapan minggu, para penyelidik kemudian menguji perasaan para peserta dengan menggunakan skala kemurungan. Berdasarkan ujian tahap kemurungan tersebut, para pengkaji mendapati bahawa, keputusan kemurungan skumpulan kedua yang mengamalkan terapi mandian hangat memperoleh skor purata sebanyak enam mata lebih rendah berbanding sebelum terapi dijalankan. Manakala kumpulan pertama yang dikehendaki bersukan hanya mencatatkan tiga mata lebih rendah berbanding sebelum terapi dilakukan. Ini menunjukkan bahawa mandi hangat adalah suatu kaedah penggalak *mood* yang lebih berkesan berbanding bersukan. Berdasarkan kepada kajian tersebut, mandi adalah suatu cara untuk mengembalikan *mood*, mengembalikan sikap positif, dan mengembalikan semangat untuk menjalani kehidupan seharian seperti sedia kala. Namun, berdasarkan kepada kajian tersebut juga, amalan terapi mandi hangat ini perlu dilakukan secara berkala untuk mendapatkan hasil yang lebih baik.

Berdasarkan kepada kajian tersebut, boleh dikatakan secara umumnya bahawa mandian *sogit* untuk memulihkan semangat selepas menghadapi musibah seperti musibah kematian ahli keluarga yang terdekat adalah merupakan suatu kearifan tempatan masyarakat Dusun yang diwarisi daripada datuk nenek moyang mereka. Namun berkenaan keberkesanan mandian *sogit* dalam menurunkan kemurungan seseorang individu memerlukan suatu penyelidikan yang berasingan. Pada masa yang sama juga, dalam kajian ini, pengkaji tidak menganalisis sama ada mandi *sogit* ini dibenarkan menurut perspektif Islam. Dalam konteks kajian ini, pengkaji hanya meneliti dari perspektif kearifan tempatan masyarakat Dusun dalam memulihkan semangat yang hilang.

Sogit Sebagai Perjanjian

Secara literal, *sogit* dalam kepercayaan Dusun Kampung tidak keterlaluan jika dikatakan sebagai suatu bentuk pemeteraian ikatan perjanjian di antara manusia dengan makhluk *supernatural*. Hal ini boleh dilihat umpamanya dalam pembukaan kawasan baharu. Perkara ini dijelaskan oleh En. Ruhatin Duari (2021), yang merupakan ketua kampung merangkap ketua adat istiadat Kampung Mesilou DUN Kundasang, Ranau. Beliau menjelaskan seperti yang berikut;

“habis memang ada juga kita putung ayam, kadang ada juga orang yang cakap bahawa itulah perjanjian kita kepada makhluk halus di sana bah, kalau kamu tidak lari, nah beginilah jadinya, maksud dia bah itu, itu perjanjian supaya diorang lari, supaya itu makhluk halus tidak mengganggu, kalau dorang ganggu kira macam kena sembelih lah, kira terkena itu sumpahan lah.”

Penjelasan yang sama turut diberikan oleh En. Samuien Yassin (2021), yang merupakan ketua kampung, merangkap ketua adat istiadat masyarakat Dusun di kampung Lipasu Lama DUN Karanaan, Ranau. Penjelasan adalah seperti yang berikut;

“iya, kalau dulu berlaku korban *sogit* sewaktu mula-mula mahu kasi bersih kawasan hutan. macam putung ayam, kebiasaannya lah. ini semua macam untuk perumpamaan bahawa tanah yang dikasih bersih sudah diganti dengan itu ayam, jadi kerana itu, selepas daripada kita memutung itu ayam, apa-apa pun yang ada di kawasan itu tanah, dianggap tidak boleh lagi pigi mau tuntutan-tuntutan itu tanah, macam itu perumpamaan dia, kalau dia pigi mengacau ka apa ka, macam dia kena putung macam itu ayam kena putung.”

Berdasarkan penerangan tersebut, dapat dilihat bahawa *sogit* turut berfungsi sebagai suatu perjanjian dengan makhluk *supernatural* yang dibuat oleh masyarakat Dusun Ketika proses membersihkan kawasan hutan. Pengkaji turut menemui fungsi *sogit* yang sama di dalam catatan Evans (1953). Catatan tersebut adalah seperti yang berikut;

, and the settlement of affairs with the spirits in connexion with the erection of new house.

Terjemahan bebas;

Dan penyelesaian urusan dengan roh-roh berkaitan dengan pendirian rumah baru.

Catatan Evans (1953) di atas adalah berkaitan tujuan penyembelihan binatang di hadapan rumah milik Linggan di Kadamaian di antaranya adalah untuk menyelesaikan urusan dengan roh-roh di kawasan tanah untuk mendirikan penempatan baharu di kawasan tersebut, setelah penempatan asal musnah akibat peperangan dan pengeboman tentera Australia (Evans, 1953). Oleh yang demikian, jelas menunjukkan bahawa dalam kalangan masyarakat Dusun kampung, *sogit* turut berfungsi sebagai pemeteraian perjanjian di antara manusia dengan makhluk halus.

Selain daripada masyarakat Dusun, amalan yang serupa turut diamalkan oleh suku kaum Sungai Buludupi di daerah Kota Kinabatangan Sabah ketika hendak membersihkan kawasan baharu (Hamrah, 2012). Amalan itu dinamakan sebagai amalan *BeGEDDA* (Hamrah, 2012). Perkataan *BeGEDDA* berasal daripada bahasa Sungai, yang bermaksud mendarah, ianya dilakukan semasa membuka kawasan baharu terutama kawasan hutan untuk tuuan pembangunan, penempatan, bercucuk tanam dan mendirikan rumah (Hamrah, 2012). Seorang bomoh akan melakukan pengimbasan atau menenung bagi mengetahui sama ada kawasan tersebut dihuni oleh makhluk *supernatural* ataupun sebaliknya. Sekiranya bomoh mendapati bahawa tempat tersebut dihuni oleh makhluk *supernatural*, maka bomoh akan menalakan upacara *beGEDDA* dengan menyembelih seekor ayam atau kambing. Darah sembelihan akan dialiri di kawasan tersebut sebagai tanda perjanjian di antara manusia dengan makhluk *supernatural* (kawasan yang diambil diganti dengan ayam) (Hamrah, 2012).

Sogit Sebagai Sedekah

Dalam konteks yang berbeza, *sogit* menurut perspektif Dusun Kampung juga berfungsi sebagai satu bentuk sedekah. Fungsi *sogit* sebagai sedekah dapat dilihat sewaktu berlakunya peristiwa kematian dalam kalangan masyarakat Dusun. Berdasarkan kepada penjelasan daripada informan, seperti En. Parasin (2021) yang merupakan ketua kampung merangkap ketua adat di kampung Purakogis Dun Karanaan, Ranau. Beliau menjelaskan seperti yang berikut;

“misal berlaku kematian di kampung ini, ini orang-orang kampung akan mengeluarkan *sogit* la, kepada ini keluarga si yang mati, *sogit* dia beras. Sebagai sedekah kepada keluarga si mati”

Berdasarkan penjelasan tersebut, jelas menunjukkan bahawa *sogit* diperanankan sebagai sedekah. Dalam penjelasan yang lain, En. Manan Badin (2021) menjelaskan hal yang sama seperti yang berikut;

yang pertama dahulu kalau contohnya ada yang mati, meninggal, pertama perlu kasi umum sama orang kampung, bahawa ada berlaku

kematian di rumah si anu si anu, jadi apabila diorang sudah mengetahui, yang jiran-jiran ini bawa beras, untuk dikasi kepada keluarga yang meninggal itu, ini sebagai bantuan kepada keluarga yang meninggal.

Sogit sebagai sedekah dalam situasi tersebut adalah merupakan suatu kearifan tempatan dalam kalangan masyarakat Dusun. Menurut Marinsah (2019), kearifan tempatan adalah pengetahuan yang didapati atau dikemukakan oleh masyarakat tradisional melalui pengalaman uji kaji dan integrasi dengan pemahaman persekitaran. Ia merupakan satu bentuk kearifan tempatan yang menunjukkan ‘*moral support*’ kepada ahli keluarga yang baru sahaja kehilangan keluarga tersayang.

Perbandingan *Sogit* Mahkamah Anak Negeri Dengan Masyarakat Dusun Kampung

Berdasarkan kepada bentuk pengamalan *sogit* di Mahkamah Anak Negeri dan *sogit* dalam kalangan masyarakat Dusun kampung, maka dapat dikenalpasti beberapa perbezaan di antara keduanya. Pengkaji merumuskan seperti dalam jadual berikut;

Jadual 2.0: Perbandingan *sogit* Mahkamah Anak Negeri dengan *sogit* dalam kalangan masyarakat Dusun Kampung.

Bil	Mahkamah Anak Negeri	Aspek	Masyarakat Dusun Kampung
1	Diambil daripada beberapa sumber, iaitu ordinan, keputusan mahkamah yang lalu, kod adat, dan <i>sogit</i> . Oleh yang demikian, <i>sogit</i> di Mahkamah Anak Negeri adalah salah satu daripada sumber-sumber perundangan Mahkamah Anak Negeri (Salleh et.al 2019). Berdasarkan kepada Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995, <i>sogit</i> adalah kod adat yang dominan dirujuk sebagai undang-undang berbanding kod adat daripada suku kaum (Anak Negeri) yang lain.	Sumber Undang-Undang	<i>Sogit</i> adalah amalan turun temurun masyarakat Dusun kampung yang bersumberkan dan diwarisi daripada datuk nenek moyang mereka secara lisan. <i>Sogit</i> adalah amalan tradisi yang diamalkan secara eksklusif oleh masyarakat Dusun, berdasarkan cerita-cerita mitos asal usul <i>sogit</i> yang dimiliki oleh suku ini.
2	Berdasarkan kepada Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995, <i>sogit</i> membawa tiga erti iaitu denda, denda adat dan penalti adat berdarah.	Makna	Berdasarkan kepada masyarakat Dusun Kampung, permaknaan <i>sogit</i> lebih luas daripada makna yang terdapat dalam kaedah Undang-Undang Adat. Seperti yang dijelaskan dalam kajian ini adalah, pendamai, penolak bala, pemulih semangat, perjanjian, dan sedekah.
3	Berdasarkan kepada Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995, <i>sogit</i> menjalankan	Fungsi	Berdasarkan kepada masyarakat Dusun Kampung, <i>sogit</i> menjalankan pelbagai fungsi. Namun dalam kajian

	fungsi sebagai denda, denda adat dan penalti adat berdarah.		ini, hanya dinyatakan beberapa fungsi yang tidak dinyatakan dalam Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995, seperti; <ol style="list-style-type: none"> a. <i>sogit</i> sebagai penolak bala b. <i>sogit</i> sebagai pemulih semangat c. <i>sogit</i> sebagai perjanjian d. <i>sogit</i> sebagai sedekah
4	Berdasarkan Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992, <i>sogit</i> dikenakan kepada semua suku kaum di Sabah yang termasuk dalam kategori anak negeri	Pengamalan	<i>Sogit</i> kampung eksklusif kepada masyarakat Kadazan Dusun sahaja.
5	Kakitangan Mahkamah Anak Negeri, yang terdiri daripada; <ol style="list-style-type: none"> a. Hakim Mahkamah Tinggi (Mahkamah Rayuan Anak Negeri) b. Pegawai Daerah c. Ketua Daerah d. Ketua Anak Negeri e. Ketua Kampung 	Pelaksana	Masyarakat Dusun tempatan yang berasal dari kampung tersebut tanpa mengambilkira latar belakang pekerjaan, pendidikan dan agama.

Sumber: Analisis Pengkaji Berdasarkan Data Kajian Yang Diubah Suai.

Kesimpulan

Sogit adalah budaya yang dimiliki oleh masyarakat Dusun di Sabah. Amalan ini diwarisi daripada datuk nenek moyang masyarakat mereka. Sejak kedatangan pihak SBBUB di negeri Sabah, amalan ini telah dijadikan sebagai kod adat untuk membentuk undang-undang yang diamalkan di Mahkamah Anak Negeri sehinggalah ke hari ini. Oleh sebab itu, pada hari ini *sogit* dapat dilihat daripada dua dimensi, iaitu *sogit* di Mahkamah Anak Negeri, dan *sogit* kampung dalam kalangan masyarakat Dusun kampung. Berdasarkan kepada hakikat tersebut, jelas menunjukkan bahawa pengamalan *sogit* di Mahkamah Anak Negeri lebih bersifat formal. Contohnya tidak melibatkan peranan *bobolian* sebagai pakar adat. Peranan tersebut diganti dengan hakim-hakim Mahkamah Anak Negeri yang terdiri daripada Ketua Daerah dan Ketua-ketua Anak Negeri. Ini menunjukkan wujudnya unsur perbezaan di antara pengamalan *sogit* di kedua-dua pihak. Contoh seterusnya, dahulu *sogit* hanya diamalkan secara khusus oleh masyarakat Dusun sahaja. Namun, selepas diwartakan dalam Enakmen Mahkamah Anak Negeri (1992), *sogit* digunapakai secara meluas merangkumi keseluruhan 'Anak Negeri' di Sabah. Justeru, ini menunjukkan berlaku suatu perubahan yang besar dalam aspek pengamalan *sogit*. Justeru itu, unsur perbandingan yang boleh dilihat diantara amalan *sogit* di Mahkamah Anak Negeri dengan amalan *sogit* dalam kalangan masyarakat kampung merangkumi lima aspek, iaitu, sumber undang-undang, makna, fungsi, pengamalan dan pelaksana.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Universiti Malaysia Sabah menerusi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2019/SSI03/UMS/02/1) yang telah membiayai penyelidikan ini.

Rujukan

- Afifah. (2003). *Pengajian Tamadun Islam*. Pts. Media Group Sdn. Bhd.
- Arinen, A. (2015). *Pentadbiran Undang-undang Harta Pusaka di Mahkamah Syariah Negeri Sabah*. Dimuat turun pada 20 Mei 2022 dari http://www.academia.edu/25073426/PENTADBIRAN_UNDANG-UNDANG_HARTA_PUSAKA_ISLAM_DI_MAHKAMAH_SYARIAH_NEGERI_SABAH. Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992.
- Danny, W.T.K. (2009). Woolley And The Codification of Native Customs In Sabah. *New Zealand Journal Of Asian Studies*. Universiti Malaya.
- E.B. Tylor. (1871). *Primitive Culture: Researches Into The Development Of Mythology, Philosophy, Religion, Language, Art And Custom*. Literary Licensing.
- Evans, I.H.N. (1953). *The Religion of the Tempasuk Dusuns of North Borneo*. Cambridge University Press.
- Hamrah. (2012). *Etnik Sungai Buludupi: Kepercayaan, Adat Resam dan Amalan*. Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.
- Hussien, R., Johnes, J., Mapjabil, J., Stephen, J., & Micheal, J.f (2021). Struktur Ekosistem dan Tadbir Urus Mahkamah Anak Negeri di Sabah. MJSSH.
- Idid, S.A (ed). (1993). *Native Court and Customary Law of Sabah (with cases and decisions)*. Kota Kinabalu, Government Printer.
- Kahin, G.M. (1947). The State of North Borneo 1881-1946. *JSTOR*. Association for Asian Studies.
- Low, K.N. (2005). *Membaca Mitos dan Lagenda Kadazandusun*. (Thesis P.h.d). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marinsah, S.A. (2017). Unsur Sinkretisme Dalam Uruf dan Adat Masyarakat Bajau di Sabah: *Analisis dari perspektif Hukum Islam*. PhD Thesis. Universiti Malaya.
- Marinsah, S.A. (2019). Unsur Kearifan Tempatan Dalam Adat Kematian Masyarakat Bajau Di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam. *Manu*. Universiti Malaysia Sabah
- Marinsah, S.A., Hajimin, M.N.H.H., Abang Muis, A.M.R., & Othman, I.W. (2021). Amalan *Sogit* dalam Masyarakat Kadazandusun di Kampung Tuwarid Liawan Keningau Sabah: Analisis Terhadap Perubahan Pengamalan. *Journal of Islamic, Social, Economis and Dvelopment* Mat Kib, M.Z. (2003). *Kristian di Sabah (1881-1994)* . Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Marinsah, S.A., Hasmin, M.F., Beddu Asis, A.H., Abg Muis, A.M.R., & Ramli, M.A. (2020). Amalan *Sogit* dalam Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah: Satu Analisis Awal. *Budaya Etnik Serumpun*. Universiti Malaysia Sabah.
- Osman, S. (1985). *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881-1941*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia dan Yayasan Sabah.
- Phelan, P.R. (2003). *The Traditional Legal System of Sabah*. Pusat Kajian Borneo Yayasan Sabah.
- Saat, G. (2003). *Komuniti Samah-Bajau di Bandar*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salleh, N. (2014). Tepak Sirih: Komunikasi Bukan Lisan dalam Adat Perkahwinan Melayu. *Jurnal Komunikasi Malaysia*.
- Salleh, R. (2014). Native Courts System In Sabah: Will it Continue to Survive?. *Proceeding of The International Conference on Law. Policy adn social Justice*.

- Salleh, R., Matah, L.J., & Yusof, K.M.A.A.K. (2019). Sistem Kehakiman Anak Negeri Sabah Dalam Konteks Perlaksanaan Hukuman dan Denda Adat. *Borneo Akademika*. Universiti Teknologi Mara. Sabah.
- Siddik, A. (1975). *Penghantar Undang-Undang Adat di Malaysia*. Universiti Malaya.
- Sintang, S. (2003). Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Usuluddin*.
- Tai, Y.T. (2008). Creating "Greater Malaysia": *Decolonization and The Politics of Merger*. Institute of Southeast Asian Studies.
- Tarsat, M. (2009). Kerelevanan dan Prospek Jawatan Ketua Anak Negeri Di Sabah: Satu Perpektif Sejarah. *Sosio Humanika*. Universiti Malaysia Sabah
- Wati, A. (1978). *Pribumi Sabah: Kadazandusun*. Yayasan Sabah.

Dokumen Kerajaan

- Enakmen Mahkamah Anak Negeri (1992).
- Warta Kerajaan. Kaedah Mahkamah Anak Negeri. Undang-Undang Adat Anak Negeri (1995).

Laman Sesawang

- Benisek, A. (2021). *What Is Prolonged Grief Disorder?*. <https://www.webmd.com/mental-health/prolonged-grief-disorder>. Dilayari 21/5/2022
- Kor, A. (2020). *Kemurungan Kerana #Stay Home? Cuba Mandi Air Panas, Ia Lebih Berkesan Dari Bersenam!*. <https://skincode.my/articles/depresi-mandian-panas-lebih-baik-daripada-bersenam>. (Dilayari 24/5/2022)
- Nazario, B. (2021). *What Is Prolonged Grief Disorder?*. <https://www.webmd.com/mental-health/prolonged-grief-disorder>. Dilayari 21/5/2022
- Covid-19 DMC. (2022). *Senarai Kluster di Negeri Sabah*. <https://command.sabah.gov.my/covid/medic/kluster-sabah>. Dilayari 22/5/2022
- FAQ COVID-19 KKM. (2020). *Soalan Lazim (FAQ) Rasmi Berkaitan Covid-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia*. <https://covid-19.moh.gov.my/faqsop/faq-covid-19>. Dilayari 23/5/2022
- Harian Metro. (2020). *Kes Pertama Covid-19 di Sabah*. <https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.commy/amp/mutakhir/2020/03/553975/kes-pertama-covid-19-di-sabah>. Dilayari 23/5/2022
- Hello Doktor. (2020). *Kemurungan Kerana #Stay Home? Cuba Mandi Air Panas, Ia Lebih Berkesan Dari Bersenam!*. <https://skincode.my/articles/depresi-mandian-panas-lebih-baik-daripada-bersenam>. Dilayari 24/5/2022
- Ministry of International Trade and Industry (MITI). (2022). https://sahamonline.miti.gov.my/document/SENARAI_RUJUKAN BUMIPUTERA_SPSKB.pdf.

Temubual

- En. Muhasip Hj. Ruman. Pegawai Daerah (PD). Pejabat Mahkamah Anak Negeri Ranau, Sabah.
- En. Marcus Faizal. Ketua Anak Negeri (KAN), Ketua Dewan Undangan Negeri (DUN) Karanaan. Pejabat Mahkamah Anak Negeri Ranau, Sabah.
- En. Dualis. Ketua Anak Negeri (KAN). Pejabat Mahkamah Anak Negeri Ranau, Sabah
- En. Annuar. Wakil Ketua Anak Negeri (WKAN). Pejabat Mahkamah Anak negeri Ranau, Sabah.
- En. Parasin. Ketua Kampung, Ketua Adat. Kampung Purakogis, Kundasang, Ranau. Sabah

- En. Ruhatin Duari. Ketua Kampung, Ketua Adat. Kampung Mesilou, Kundasang, Ranau. Sabah.
- En. Manan Badin. Bekas *Bobolian*. Kampung Libang, Ranau. Sabah.
- En. Samuien Yassin. Ketua Kampung, Ketua Adat. Kampung Lipasu Lama, Kundasang, Ranau. Sabah.
- Puan. Ramini. Penduduk Kampung. Kampung Libang, Ranau. Sabah
- Puan. Susy Hill. Penduduk Kampung. Mogong Tambunan. Sabah
- Puan. Shima. Penduduk Kampung. Kampung Libang, Ranau. Sabah